

## **Pengaruh Faktor Psikososial terhadap Penderaan Emosi dalam Kalangan Pelajar Universiti yang Pernah Menjalinkan Hubungan Romantik**

*Effects of Psychosocial Factors towards Emotional Abuse among University Students Who Have Been in Romantic Relationships*

**Ch'ng Wen Huey, Amiza Azwani Abdul Aziz, Suzana Mohd Hoesni,  
Muhammad Ajib Abd Razak & Mohammad Rahim Kamaluddin\***

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

\*e-mail: [rahimk@ukm.edu.my](mailto:rahimk@ukm.edu.my)

**Received:** 02 March 2021; **Accepted:** 10 September 2021; **Published:** 11 September 2021

**To cite this article (APA):** Wen Huey, C., Abdul Aziz, A. A., Mohd Hoesni, S., Abd Razak, M. A., & Kamaluddin, M. R. (2021). Effects of Psychosocial Factors towards Emotional Abuse among University Students Who Have Been in Romantic Relationships. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(2), 107-120. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.10.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.10.2021>

### **Abstrak**

Penderaan emosi kepada kawalan paksaan dan pencerobohan ekspresif seperti penghinaan dan panggilan nama di antara dua pihak. Isu penderaan emosi dalam hubungan romantik dikaji kerana kajian sedia ada masih terhad dan kurangnya bukti berlakunya penderaan emosi dalam kalangan pelajar terutamanya dalam konteks tempatan. Kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji pengaruh faktor psikososial iaitu tret personaliti lima faktor, tahap kesunyian dan gaya keibubapaan terhadap penderaan emosi dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia yang pernah menjalinkan hubungan romantik untuk sekurang-kurangnya tempoh tiga bulan. Data kajian ini dikumpulkan melalui kaedah kuantitatif iaitu dengan menggunakan metod tinjauan. Sebanyak empat instrumen iaitu *Emotional Abuse Questionnaire*, *Big Five Inventory* (BFI-10), *Revised UCLA Loneliness Scale* dan *Scale of Parenting Style* telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 273 orang pelajar universiti yang pernah menjalinkan hubungan romantik telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Analisis linear berganda telah dilakukan bagi mengenal pasti pengaruh faktor psikososial terhadap penderaan emosi. Keputusan kajian menunjukkan bahawa prevalens pelajar universiti di Malaysia mengalami penderaan emosi adalah pada tahap rendah. Hasil kajian mendapati dua faktor psikososial iaitu tret personaliti jenis kehematan dan gaya keibubapaan jenis responsif memberikan pengaruh signifikan terhadap penderaan emosi. Hasil kajian signifikan dalam memahami faktor psikososial yang menjadi asas kepada penderaan emosi dan pemahaman ini penting sebagai langkah proaktif dalam mengelakkan diri dalam menjadi mangsa penderaan emosi.

**Kata Kunci:** gaya keibubapaan, hubungan romantik, kesunyian, penderaan emosi, personaliti lima faktor

### **Abstract**

*Emotional abuse is coercive control and expressive aggressive behaviour which involve degrading behaviour such as insults and name-calling between two parties. The issue of emotional abuse in romantic relationship was studied due to limited existing studies and there is a lack of evidence on the occurrence of emotional abuse among students especially in local contexts. This study was conducted to examine the effects of psychosocial factors (five-factor personality traits, loneliness and parenting style) towards emotional abuse among university students in Malaysia who have been in romantic relationships for at least three months. The data of this study was collected through a quantitative method using survey approach. Malay version of Emotional Abuse Questionnaire, Big Five Inventory (BFI-10), Revised UCLA Loneliness Scale and Scale of Parenting Style were used in this study. A total number of 273 university students had participated in this study. Multiple linear analysis was used to identify the effects of psychosocial factors on emotional abuse. The results showed that the*

*prevalence of university students in Malaysia experiencing emotional abuse is still at low level. Regression analysis showed that two psychosocial factors, conscientiousness personality trait and responsive parenting style had significant relationships with emotional abuse. The results of this study are significant in understanding the underlying psychosocial factors for emotional abuse. Such understanding is vital to inculcate awareness which act as proactive measures in avoiding oneself from being an emotional abuse victim.*

**Keywords:** *parenting styles, romantic relationship, loneliness, emotional abuse, big five personality traits*

## **PENDAHULUAN**

Statistik daripada *World Health Organisation* (WHO) mendapati sebanyak 20% hingga 75% pasangan pernah mengalami penderaan emosi. Secara amnya, penderaan emosi ataupun lebih dikenali sebagai penderaan psikologi merupakan salah satu bentuk penderaan yang banyak berlaku dalam hubungan interpersonal (Chen et al., 2017). Berbanding dengan penderaan fizikal, penderaan emosi lebih sukar untuk dikenal pasti kerana tidak melibatkan kecederaan tubuh badan yang nyata dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar, melainkan daripada pengakuan mangsa sendiri. Walaupun tiada kecederaan yang nyata dari segi tubuh badan, penderaan emosi dianggap lebih merbahaya kerana boleh mengundang kepada kecelaruan stres pasca trauma berbanding dengan penderaan fizikal (Arias & Pape, 1999).

Penderaan emosi merupakan salah satu bentuk penderaan yang biasanya berlaku dalam kalangan pelajar dan hubungan romantik antara pasangan dan berkemungkinan individu tersebut tidak menyedari bahawa dirinya sedang mengalami penderaan emosi. Kajian Vidourek (2017) mendapati bahawa terdapat lebih daripada sepuluh (10.7%) pelajar melaporkan diri pernah mengalami penderaan emosi, manakala kajian Meinck et al. (2016) pula menunjukkan bahawa kadar kelaziman individu yang menghadapi penderaan emosi adalah sebanyak 35.5%. Kajian berkaitan dengan penderaan emosi telah dijalankan di Kanada pada tahun 1998 hingga 2003 dan menunjukkan pola kejadian meningkat hampir dua kali ganda berbanding penderaan lain (Chamberland et al., 2011). Kajian oleh Vidourek (2017) turut mendapati bahawa kaum perempuan dua kali lebih berisiko menjadi mangsa kepada penderaan emosi berbanding dengan lelaki. Menurut Goldsmith dan Freyd (2005), mana-mana pasangan yang berperilaku sehingga menyebabkan mangsa berasa dirinya seorang yang teruk boleh diklasifikasikan sebagai penderaan emosi. Dalam hal ini, penderaan emosi sering melibatkan tingkah laku pemantauan, menghalang seseorang berjumpa dengan ahli keluarga dan rakan-rakannya, mengasingkan mangsa daripada bergaul dengan orang lain, memalukan individu dalam khalayak ramai dan mengancam untuk membahayakan diri sendiri atau orang lain (Office of Women's Health, 2015).

Sehingga ke hari ini, banyak kajian psikologi dan sosiologi telah dijalankan oleh para sarjana sebagai usaha untuk mengenal pasti punca kepada tingkah laku penderaan emosi dalam kalangan pasangan yang pernah menjalani hubungan romantik. Kajian yang dijalankan oleh Ulloa et al. (2016) mendapati individu dengan personaliti neurotisme yang tinggi cenderung untuk menjadi mangsa dalam penderaan emosi semasa menjalin hubungan intim. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian lain bahawa tret neurotisme sebagai tret personaliti utama yang memberi pengaruh kuat kepada tingkah laku penderaan emosi (Hovens et al., 2016; Motevaliyan et al., 2014). Selain tret personaliti, faktor lain seperti tahap kesunyian turut dianggap sebagai faktor yang kuat dalam mempengaruhi tingkah laku penderaan emosi khususnya kecenderungan untuk menjadi mangsa. Secara amnya, kesunyian boleh dikaitkan dengan individu yang mempunyai kekurangan sokongan sosial serta berasa dirinya tiada kepentingan dalam rangkaian sosial (Holt dan Espelage, 2007). Kajian Başoğlu (2019) turut menyokong bahawa penderaan emosi adalah disebabkan oleh kesunyian yang dihadapi oleh seseorang individu tersebut. Hasil dapatan kajian tersebut juga adalah sama dengan kajian yang dijalankan oleh Acquah et al. (2016) dan Brown et al. (2016) yang mendapati individu dengan tahap kesunyian yang tinggi lebih berisiko tinggi untuk menjadi mangsa dalam peristiwa penderaan atau buli.

Satu lagi aspek psikososial yang sering dikaitkan dengan penderaan emosi ialah gaya keibubapaan. Gaya keibubapaan dikatakan dapat mencorakkan kebarangkalian seseorang anak terlibat dalam kejadian penderaan emosi ataupun kejadian buli. Kajian Brodski dan Hutz (2012) dan Muñiz-Rivas et al. (2019) juga berpendapat bahawa individu dengan gaya keibubapaan turut memberi pengaruh yang kuat kepada keterlibatan anak dalam kejadian isu penderaan. Menurut Gómez-Ortiz (2016), mangsa yang terlibat dalam kes buli sama ada lelaki atau perempuan adalah dikaitkan secara langsung dengan tingkah laku ibu bapa. Kajian lepas turut mendapati gaya keibubapaan permisif boleh bertindak sebagai faktor pelindung untuk mengelakkan seseorang individu menjadi mangsa dalam kejadian negatif seperti tindakan buli manakala gaya keibubapaan autoritarian merupakan salah satu faktor risiko yang membolehkan individu terlibat dalam masalah negatif (Martínez et al., 2019).

Konteks kajian di Malaysia mendapati penerimaan gaya keibubapaan autoritatif dan autoritarian secara signifikan memberi kesan terhadap perkembangan kecerdasan emosi remaja, manakala, gaya keibubapaan permisif pula tidak menyumbang kepada perkembangan kecerdasan emosi remaja (Abdul Adib, Agnis & Lailawati Madlan, 2017). Namun, kajian yang sebaliknya mendapati ibu bapa yang menggunakan autoritarian dan permisif mempengaruhi tahap penyesuaian tingkah laku kanak-kanak bermasalah yang lebih tinggi (NurAmnani & Nellie, 2021). Ini jelas menunjukkan, individu yang berisiko menjadi pemangsa atau mangsa dalam penderaan emosi sangat dipengaruhi oleh pemilihan gaya keibu bapaan yang bersesuaian kerana boleh menyumbang kepada pembentukan personaliti dan tingkah laku mereka. Sebagaimana dalam kajian Nooraini dan Salasiah (2013) yang melihat gaya keibubapaan sangat berkait rapat dengan pembentukan sahsiah dan keperibadian individu seperti gaya autoritarian dan autoritatif.

Dalam pada itu juga, dalam kajian ini yang melihat tiga faktor psikososial dalam keterlibatan penderaan emosi seperti tret personaliti, tahap kesunyian dan juga gaya keibubapaan perlu diteliti dalam konteks tempatan dan budaya timur seperti di Malaysia kerana kajian dalam aspek tersebut masih lagi kurang untuk dijalankan. Namun, kajian-kajian lepas di Malaysia ada melihat tahap kesunyian dalam kalangan pelajar universiti adalah sekitar 59.6 peratus dan menunjukkan pelajar tersebut mempunyai tahap kepuasan yang sederhana dalam hubungan interpersonal (Noradilah & Mansur, 2009). Malah, isu kesunyian dalam kalangan pelajar universiti masih kurang diketengahkan dan menyebabkan peningkatan kepada risiko untuk menjadi mangsa kepada penderaan emosi. Sebagaimana dalam kajian Zaiton dan rakan-rakan (2015) ke atas 562 pelajar univerisiti awam mendapati, sikap penghargaan sendiri mempunyai hubungan positif secara rendah dengan kesunyian. Ini menunjukkan, pelajar universiti di Malaysia yang berpersonaliti seperti kurang keyakinan diri, tidak bersikap terbuka, neouritisme yang tinggi, dan kehematan yang rendah boleh mempengaruhi tahap kesunyian para pelajar. Dalam pada itu juga, kajian lain mendapati tret personaliti yang dominan seperti kesunyian dan ekstraversi adalah ciri-ciri yang paling dominan ke atas 12 orang mangsa yang ditemu bual menjadi mangsa jenayah cinta *cyber* di Malaysia (Zulkufli, 2019). Lantas, membuktikan faktor psikososial seperti tret personaliti memberikan risiko yang lebih besar dalam mempengaruhi keterlibatan penderaan emosi individu dalam sesuatu hubungan romantik.

Menurut Abowitz, Knox dan Zusman (2010), kajian mengenai penderaan emosi dalam hubungan romantik masih banyak lagi perlu dikaji terutamanya dalam aspek teoritikal, nilai budaya dan kategori responden. Kajian dalam konteks yang lain adalah perlu bagi meningkatkan lagi dimensi kefahaman yang lebih mendalam mengenai masalah penderaan emosi yang berlaku bagi memberi sumbangan yang lebih luas dalam memahami profil mangsa penderaan emosi secara komprehensif, meningkatkan kecekapan dalam program intervensi terhadap pelajar, keluarga dan masyarakat (Abowitz, Knox & Zusman, 2010). Tambahan pula, isu penderaan emosi merupakan sesuatu yang kerap dikaji di luar negara, tetapi topik ini kurang mendapat perhatian dalam Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh faktor psikososial terhadap penderaan emosi dalam kalangan pelajar universiti yang pernah menjalani hubungan romantik. Menurut Vizzotto et al. (2013), faktor psikososial adalah tingkah laku manusia yang melibatkan hubungan antara aspek intrapersonal psikologi dan persekitaran. Dalam kajian ini, faktor personaliti, kesunyian dan gaya keibubapaan dioperasikan sebagai faktor psikososial (peramal). Manakala, penderaan emosi dioperasikan sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian ini telah memfokuskan dalam kalangan pelajar universiti berikutan

kajian yang dijalankan oleh Vidourek (2017) yang mendapati bahawa terdapat sebanyak 10.7% daripada 777 pelajar universiti yang melaporkan dirinya pernah mengalami penderaan emosi. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya menjadikan pelajar universiti sebagai populasi kajian dalam isu penderaan emosi.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan tinjauan atau *survey* secara keratan rentas. Sampel kajian ini merupakan golongan pelajar universiti yang pernah mempunyai pengalaman dalam hubungan romantik sebelum ini. Definisi klasik oleh Carlson (1987) telah mendefinisikan hubungan romantik sebagai sesuatu hubungan *dating* antara individu yang belum berkahwin. Berpandukan konsep ini, kajian ini telah memfokuskan pelajar universiti yang pernah menjalankan hubungan romantik sekurang-kurangnya tiga bulan. Seramai 273 pelajar universiti di Malaysia telah direkrut dengan menggunakan teknik persampelan rawak. Kepersetujuan responden untuk menyertai kajian ini telah diperoleh terlebih dahulu. Penerangan yang jelas telah diberikan mengenai prosedur kajian, cara menjawab, dan hak responden untuk menarik diri dalam kajian ini pada bila-bila masa sahaja. Para responden juga telah dijamin dengan kerahsiaan data serta etika kajian.

Satu soal selidik telah digunakan dalam kajian ini sebagai alat untuk pengumpulan data. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama iaitu bahagian demografi dan bahagian instrumen. Dalam bahagian demografi, soalan-soalan asas yang berkaitan demografi seperti jantina, umur, bangsa dan agama telah diperolehi. Dalam bahagian ini juga, responden perlu menjawab sejarah tentang hubungan romantik mereka. Bahagian kedua soal selidik ini mengandungi empat instrumen yang telah disahkan bagi mengukur pemboleh ubah kajian. Bagi mengukur penderaan emosi (pemboleh ubah bersandar), *Emotional Abuse Questionnaire* (Jacobson & Gottman, 1998) telah diterjemah dan digunakan. Manakala, tiga instrumen lain iaitu *Big Five Inventory* (BFI-10) (Rammstedt dan John, 2007), *Revised UCLA Loneliness Scale* (Russell, Peplau dan Cutrona, 1980) dan *Scale of Parenting Style* (Gafor & Kurukkan, 2014) telah digunakan dalam kajian ini. Kesemua alat ujian yang digunakan adalah dalam versi Bahasa Melayu yang telah diterjemahkan oleh penyelidik dan kebolehpercayaan versi Bahasa Melayu juga telah diuji melalui kajian rintis dalam kalangan tiga puluh ( $n = 30$ ) pelajar universiti.

Kesemua data yang dipungut telah dimasukkan ke dalam perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23 untuk analisis statistik. Analisis deskriptif telah digunakan bagi melihat profil sosiodemografi serta menentukan *prevalens* penderaan emosi dalam kalangan sampel. Manakala analisis korelasi Pearson dan regresi linear berganda telah dilakukan bagi mengkaji hubungan serta pengaruh faktor psikososial terhadap penderaan emosi bagi menguji hipotesis kajian iaitu:

H1: Terdapat pengaruh signifikan faktor psikososial (tret personaliti, kesunyiaan, dan gaya keibubapaan) terhadap penderaan emosi

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Profil Demografi Responden**

Seramai 273 responden telah menyertai kajian ini. Daripada 273 responden, 93 orang (34.1%) merupakan lelaki dan 180 orang (65.9%) adalah perempuan. Responden juga terdiri daripada 87 pelajar UM (31.9%), 115 pelajar UKM (42.1%) dan 71 pelajar UPM (26.0%). Terdapat 127 responden (46.5%) berbangsa Melayu, 109 responden (39.9%) berbangsa Cina, 26 responden (9.5) berbangsa India dan 11 responden (4.0%) terdiri daripada bangsa yang lain. Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang terperinci.

**Jadual 1:** Profil demografi responden

	Jumlah responden (orang)	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	93	34.1
Perempuan	180	65.9
<b>Universiti</b>		
UM	87	31.9
UKM	115	42.1
UPM	71	26.0
<b>Bangsa</b>		
Melayu	127	46.5
Cina	109	39.9
Indian	26	9.5
Lain-lain	11	4.0
<b>Agama</b>		
Islam	130	47.6
Buddha	93	34.1
Hindu	24	8.8
Kristian	23	8.4
Lain-lain	3	1.1
<b>Umur</b>		
19	7	2.6
20	18	6.6
21	40	14.7
22	85	31.1
23	93	34.1
24	21	7.7
25	9	3.3

Keputusan kajian juga mendapati bahawa prevalens penderaan emosi dalam kalangan pelajar Universiti di Malaysia adalah rendah. Menurut hasil kajian, hanya terdapat 5 (1.8%) responden daripada 273 responden yang mendapat skor dalam lingkungan 73-94 iaitu menghadapi penderaan emosi dan tiada responden yang mendapat skor dalam 95-108 yang menghadapi penderaan emosi yang serius. Jadual 2 memperihalkan tahap penderaan emosi dalam kalangan responden kajian.

**Jadual 2:** Kelaziman responden yang mengalami penderaan emosi

Tahap	Skor	Kekerapan	Peratusan (%)
Tiada penderaan emosi	0-72	268	98.2
Penderaan emosi	73-94	5	1.8
Penderaan emosi yang serius	95-108	0	0

### **Pengaruh Tret Personaliti Lima Faktor, Tahap Kesunyian dan Gaya Keibubapaan Terhadap Penderaan Emosi**

Sebelum menjalani analisis linear, ujian korelasi telah dilakukan sebagai syarat awal sebelum meneruskan analisis liner berganda. Berdasarkan ujian korelasi Pearson dalam Jadual 3 di bawah, mendapati hubungan tidak signifikan antara personaliti ekstraversi ( $r = -.087$ ,  $p = .151$ ) dan personaliti keterbukaan ( $r = .023$ ,  $p = .704$ ) dengan penderaan emosi. Selain itu, personaliti kepersetujuan ( $r = -.195$ ,  $p = .001$ ) dan personaliti kehematan ( $r = -.217$ ,  $p = .000$ ) menunjukkan terdapat hubungan negatif yang lemah dan signifikan dengan penderaan emosi. Hal ini menunjukkan tahap personaliti kepersetujuan atau kehematan menurun, tahap penderaan emosi dianggap meningkat, dan sebaliknya. Hasil kajian juga menunjukkan hubungan positif yang lemah dan signifikan ( $r = .139$ ,  $p = .022$ ) antara

personaliti neurotisisme dengan penderaan emosi dan ini bermakna tahap personaliti neurotisisme yang tinggi menunjukkan penderaan emosi turut meningkat.

Ujian korelasi Pearson telah dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap kesunyian dan gaya keibubapaan dengan penderaan emosi. Menurut Jadual 3, terdapat hubungan positif yang lemah dan signifikan ( $r = .127$ ,  $p = .035$ ) antara tahap kesunyian dengan penderaan emosi. Hal ini menunjukkan tahap kesunyian meningkat, penderaan emosi meningkat. Dari segi gaya keibubapaan pula, keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang lemah dan signifikan ( $r = -.193$ ,  $p = .001$ ) antara gaya keibubapaan responsif dengan penderaan emosi. Ini bermakna tahap gaya keibubapaan responsif menurun, penderaan emosi meningkat. Dapatan kajian turut mendapati bahawa tiada hubungan signifikan ( $r = -.045$ ,  $p = .464$ ) antara gaya keibubapaan kawalan dengan penderaan emosi.

**Jadual 3:** Korelasi antara personaliti lima faktor dengan penderaan emosi

		<b>Personaliti ekstraversi</b>	<b>Personaliti kepersetujuan</b>	<b>Personaliti kehematan</b>	<b>Personaliti neurotisme</b>	<b>Personaliti keterbukaan</b>	<b>Tahap kesunyian</b>	<b>Gaya keibubapaan responsif</b>	<b>Gaya keibubapaan kawalan</b>
<b>Penderaan emosi</b>	Korelasi Pearson	-.087	-.195**	-.217**	.139*	.023	.127*	-.193**	-.045
	Sig. (2-tailed)	.151	.001	.000	.022	.704	.035	.001	.464

\*\* . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

**Jadual 4:** Analisis regresi berganda personaliti tret lima faktor, tahap kesunyian dan gaya keibubapaan terhadap penderaan emosi

Ringkasan model

<b>Model</b>	<b>R</b>	<b>R<sup>2</sup></b>	<b>Keselarasan R<sup>2</sup></b>	<b>Ralat piawai anggaran</b>
1	.292	.085	.068	11.28425

a. Peramal: (Tetap), personaliti kepersetujuan, personaliti kehematan, personaliti neurotisme, tahap kesunyian, gaya keibubapaan responsif

ANOVA

<b>Model</b>	<b>Jumlah kuasa dua</b>	<b>Df</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>F</b>	<b>Sig.</b>
Regresi	3164.831	5	632.966	4.971	.000
Residual	33998.231	267	127.334		
Jumlah	37163.062	272			

a. Pemboleh ubah: Penderaan emosi

b. Peramal: (Tetap), personaliti kepersetujuan, personaliti kehematan, personaliti neurotisme, tahap kesunyian, gaya keibubapaan responsif.

Koefisien

Model	Koefisien tidak berpiawai		Koefisien berpiawai	t	Sig.
	B	Ralat Piawai	Beta		
(Tetap)	58.811	8.239		7.138	.000
Personaliti kepersetujuan	-.019	.088	-.015	-.216	.829
Personaliti kehematan	-1.280	.602	-.145	-2.126	.034
Personaliti neurotisme	-.530	.484	-.074	-1.096	.274
Tahap kesunyian	.601	.457	.086	1.316	.189
Gaya keibubapaan responsif	-.132	.063	-.133	-2.100	.037

a. Pemboleh ubah terikat: Penderaan emosi

Berdasarkan dapatan analisis korelasi yang diperolehi, analisis regresi berganda telah dijalankan bagi mengukur pengaruh aspek psikososial yang mempunyai korelasi signifikan terhadap penderaan emosi seperti yang ditunjukkan pada jadual 4 di atas. Disebabkan hanya tret (1) personaliti kepersetujuan, (2) personaliti kehematan, (3) personaliti neurotisme, (4) tahap kesunyian dan (5) gaya keibubapaan responsif yang menunjukkan hubungan signifikan ( $p < .05$ ) dalam ujian korelasi dengan penderaan emosi, maka, kelima-lima aspek itu dikaji sebagai peramal dalam analisis linear berganda. Berdasarkan hasil dapatan dalam Jadual 4, nilai pekali penentuan  $R^2$  adalah .085. Hal ini bermaksud terdapat 8.5% varians yang menyumbang oleh personaliti kepersetujuan, personaliti kehematan, personaliti neurotisme, tahap kesunyian dan gaya keibubapaan responsif kepada penderaan emosi. Jadual ANOVA juga mendapati bahawa nilai  $F = 4.971$  dengan nilai signifikan  $p = .000$  yang telah menunjuk bahawa model keseluruhan adalah signifikan [ $F(5, 267) = 4.971, p < .01, R^2 = .085$ ].

Daripada jadual itu pula mendapati personaliti kehematan ( $t = -2.126, p < .05$ ) dan gaya keibubapaan ( $t = -2.100, p < .05$ ) menunjukkan pengaruh negatif yang signifikan terhadap penderaan emosi manakala personaliti kepersetujuan, personaliti neurotisme dan tahap kesunyian menunjukkan pengaruh yang tidak signifikan ( $p > .05$ ) kepada penderaan emosi. Pemboleh ubah yang terdapat pengaruh signifikan itu menunjukkan personaliti kehematan (Beta =  $-.145, p < .05$ ) mempunyai sumbangan yang lebih besar dan signifikan iaitu 14.5% berbanding dengan gaya keibubapaan responsif (Beta =  $-.133, p < .05$ ) yang memberi sumbangan sebanyak 13.3%. Oleh itu, personaliti kehematan merupakan peramal yang terbaik dan diikuti oleh gaya keibubapaan responsif

## PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Black dan rakan-rakan (2011) mendefinisikan penderaan emosi sebagai kawalan paksaan dan pencerobohan ekspresif seperti penghinaan dan panggilan nama di antara dua pihak. Pelbagai istilah yang merujuk kepada penderaan emosi telah digunakan seperti penderaan psikologi, penderaan lisan, kekejaman mental, keganasan pasangan intim dan psikologi agresif. Penderaan emosi merupakan satu bentuk penderaan yang sukar untuk dikenal pasti kerana hanya sebahagian kes sahaja yang dilaporkan (Hart, Brassard & Karlson, 1996). Namun, tidak bermakna kes penderaan emosi kurang berlaku. Kebanyakan individu yang menjalinkan hubungan romantik pernah menjadi mangsa kepada penderaan emosi pasangan. Penderaan emosi adalah sangat merbahaya dan lebih serius kerana mangsa boleh menghadapi kemurungan dan kebimbangan yang lebih teruk berbanding dengan penderaan yang lain (Kent & Waller, 1998). Kesan jangka panjang akibat penderaan emosi adalah seperti kemurungan, kebimbangan, gangguan tekanan post-traumatik dan kesulitan dalam hubungan interpersonal (Stark, 2015).



Laporan *Women Aid Organization* (WAO) pada tahun 2015 dan 2016 mendapati bahawa 93% mangsa keganasan rumah tangga melaporkan bahawa mereka telah mengalami penderaan psikologi. Kajian oleh Harned (2002) turut mendapati lebih daripada 80% lelaki dan perempuan di Kolej dilaporkan mengalami penderaan emosi daripada pasangannya. Hal ini demikian kerana penderaan emosi lebih biasa berlaku dalam kalangan individu yang lebih muda berbanding orang tua (Karakurt & Silver, 2013). Dalam kajian ini, hanya segelintir sahaja iaitu 1.8% yang dilaporkan mengalami penderaan emosi dan tiada responden yang mendapat skor sekitar 95-108 yang menghadapi penderaan emosi serius. Hal ini menggambarkan penanda ara yang baik dalam kalangan responden yang terdiri daripada pelajar universiti. Kadar yang rendah ini juga merupakan hasil daripada kempen, dan seminar yang dijalankan oleh pelbagai pihak dalam menyebarkan info dan kesedaran mengenai penderaan emosi dan menghindarkan diri individu daripada menjadi mangsa.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pengaruh antara tret personaliti lima faktor, tahap kesunyian dan gaya keibubapaan terhadap penderaan emosi yang berlaku dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia yang pernah menjalinkan hubungan romantik. Hasil kajian ini menunjukkan individu dengan personaliti ekstraversi dan keterbukaan tidak memberikan sebarang pengaruh signifikan kepada penderaan emosi. Secara amnya, ekstraversi adalah sifat yang menggambarkan ketegasan seseorang, emosi yang positif, mesra dan motivasi tinggi (Lukaszewski, 2016). Seseorang yang mendapatkan skor tinggi dalam karakteristik ini biasanya menunjukkan individu itu adalah lebih pandai bergaul dengan orang lain, lebih banyak bercakap, mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial dan mengekspresikan emosi dalam saluran yang betul.

Manakala, tret personaliti keterbukaan merupakan salah satu sifat yang menggambarkan keutamaan seseorang untuk berfikir, imaginasi, artistik, dan aktiviti intelektual. Mereka sentiasa bersikap ingin tahu tentang dunia di sekeliling dan tidak menolak untuk menerima sebarang perubahan yang baru. Individu yang tinggi dalam sifat ini biasanya mempunyai minat yang luas, cenderung belajar tentang budaya orang lain dan berani mencabar pengalaman baru. Ciri-ciri ini menjadikan individu tidak mudah untuk menjadi mangsa penderaan emosi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak konsisten dengan kajian oleh Motevaliyan et al. (2014) dan Ulloa et al. (2016) yang mendapati, terdapat hubungan signifikan antara personaliti ekstraversi dengan penderaan dalam kalangan wanita. Dapatan kajian ini juga menunjukkan personaliti neurotisme mempunyai hubungan signifikan yang negatif dengan penderaan emosi. Keputusan tentang personaliti neurotisme juga sama dengan kajian Ulloa et al. (2016) dan Pallesen et al. (2017).

Terdapat andaian bahawa personaliti neurotisme mempunyai kaitan dengan peristiwa negatif, iaitu tingkah laku neurotisme boleh dipertimbangkan sebagai mengganggu dan menyusahkan orang lain sehingga mencetuskan reaksi negatif daripada rakan sekerja atau individu lain (Milam et al., 2009). Secara amnya, neurotisme menunjukkan sifat yang menggambarkan kestabilan emosi keseluruhan individu. Menurut teori personaliti Eysenck yang diterangkan dalam kajian Norris et al. (2007), neurotisme sering dikaitkan dengan toleransi yang rendah terhadap tekanan atau rangsangan kebencian. Individu yang neurotisme lebih mudah terdedah kepada stres, tidak pandai mengekspresikan dan mengawal emosi sendiri dan sentiasa menganggap cabaran yang biasa sebagai ancaman serta berasa kecewa dan tiada harapan. Individu yang mempunyai karakteristik neurotisme sering dikaitkan dengan sikap pesimis.

Tambahan pula, individu yang mempunyai tahap neurotisme yang tinggi cenderung mempunyai kesejahteraan psikologi yang lebih teruk (Dwan & Ownsworth, 2019). Hasil kajian yang sama juga didapati di negara Iran iaitu kajian Motevaliyan et al. (2014) yang menunjukkan personaliti neurotisme sering terlibat dalam kes penderaan. Tambahan pula, kajian tersebut menunjukkan dapatan kajian yang sama dengan kajian Pallesen et al. (2017) yang dilaksanakan di negara Norway. Hasil kajiannya ialah terdapat hubungan positif dan signifikan antara personaliti neurotisme dengan individu yang menjadi sasaran dalam kejadian buli di tempat kerja. Namun begitu, pengaruh personaliti neurotisme ini tidak begitu signifikan dalam meramal penderaan emosi apabila diuji dalam analisis regresi berganda. Hal ini jelas menunjukkan tret lain lebih kuat dalam memberi pengaruh kepada penderaan emosi berbanding dengan tret neurotisme. Dapatan kajian ini juga tidak

selari dan bercanggah dengan dapatan kajian yang lepas. Menurut kajian Motevaliyan et al. (2014), personaliti neurotisme merupakan antara tret yang memberi sumbangan terbesar terhadap isu penderaan. Bukan itu sahaja, kajian Amponsah-Tawiah dan Annor (2017) juga menunjukkan hasil kajian yang berbeza dengan kajian ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan tret personaliti jenis kehematan mempunyai pengaruh signifikan yang paling kuat berbanding tret-tret personaliti lain. Secara amnya, kepersetujuan menunjukkan sikap individu yang belas kasihan, penghormatan, dan penerimaan terhadap orang lain. Individu yang mempunyai karakteristik kepersetujuan akan memberi perhatian kepada kesejahteraan, melayani dengan mengambil kira hak peribadi, dan memberi keyakinan positif terhadap orang lain (Soto, 2018). Individu dengan tret kehematan yang tinggi mempunyai keupayaan bahawa seseorang untuk itu melibatkan diri ke arah matlamat yang ditetapkan.

Kehematan yang rendah mempunyai kaitan dengan tingkah laku fleksibiliti dan sikap yang spontan, mudah terganggu, tidak teratur dan tidak boleh dipercayai (Robbins & Judge, 2008). Hal ini jelas menunjukkan tahap kehematan tinggi dalam diri individu mampu mengelakkan seseorang menjadi mangsa dalam penderaan emosi. Kajian oleh Hovens et al. (2016) turut mendapati hubungan negatif dan signifikan antara personaliti kehematan dengan penderaan emosi. Begitu juga dengan kajian Glasø et al. (2007) yang dijalankan di negara Norway. Kajian tersebut menunjukkan dapatan yang tidak berlawanan serta signifikan antara personaliti kehematan dengan kejadian buli melalui analisis korelasi Pearson. Kajian lepas juga telah mendapati bahawa personaliti pekerja dengan tahap kehematan yang rendah lebih berisiko untuk berhadapan dengan kejadian buli di tempat kerja.

Faktor seterusnya yang dikaji dalam kajian ini adalah tahap kesunyian dalam mempengaruhi penderaan emosi. Secara amnya, kesunyian boleh ditakrifkan sebagai situasi yang dialami oleh seseorang individu yang tidak menyenangkan atau kurang mempunyai hubungan dengan seseorang. Hal ini termasuklah tidak berpuas hati dengan situasi kualiti hubungan sedia ada dan hubungan keintiman yang diimpikan masih lagi belum tercapai (Gierveld, 1998). Tahap kesunyian yang tinggi juga dikaitkan dengan keyakinan diri yang rendah (Jones, 1982), bersikap lebih sensitif dan pesimis. Sikap demikian akan menyebabkan daya tahan individu menurun dan lebih cenderung menjadi mangsa kepada penderaan emosi. Andaian tersebut turut disokong oleh Perron et al. (2014). Kajian Chen dan Qin (2019) yang diadakan di China mendapati tahap kesunyian mempunyai hubungan signifikan dengan penderaan emosi dan dapatan yang sama pula terdapat di negara Turki iaitu kajian Başoğlu (2019). Namun begitu, apabila pemboleh ubah kesunyian ini digabungkan bersama peramal lain, ianya tidak menjadi signifikan kepada penderaan emosi. Manakala kajian oleh Noradilah dan Mansor (2009) melaporkan pelajar Universiti di Malaysia menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi yang baik iaitu 65.6% dan hanya 34.4% yang mengalami masalah psikologikal seperti kesunyian. Maka, hasil kajian ini yang menunjukkan tahap kesunyian dengan penderaan emosi adalah hubungan positif dan lemah boleh memberi risiko kepada para pelajar untuk mengalami penderaan emosi sekiranya langkah pencegahan tidak diambil secara holistik seperti kempen kesedaran kesihatan mental dan melindungi diri daripada menjadi mangsa penderaan emosi dalam sesuatu hubungan. Hal ini kerana kebanyakan pelajar universiti terutamanya luar bandar mempunyai kecerdasan emosi yang rendah dan mengalami kesunyian (Zaiton et al., 2015). Lantas, boleh memberikan risiko kepada mereka untuk mengalami penderaan emosi.

Seterusnya, kajian ini juga telah memfokuskan gaya keibubapaan dan hubungannya dengan penderaan emosi. Gaya keibubapaan dianggap sebagai ciri didikan ibu bapa yang stabil dari semasa ke semasa dan merupakan konteks persekitaran dan emosi untuk pembesaran dan sosialisasi anak-anak (Baumrind, 1989). Menurut kepada Darling dan Steinberg (1993), gaya keibubapaan menggambarkan sikap, amalan dan ekspresi bukan lisan ibu bapa yang mencirikan sifat interaksi ibu bapa dengan anak mereka dalam pelbagai situasi. Gaya keibubapaan mempunyai dua elemen yang penting iaitu responsif dan kawalan (Maccoby and Martin, 1983). Gaya keibubapaan jenis responsif merupakan ibu bapa yang mesra dan menyokong, manakala gaya keibubapaan jenis kawalan adalah ibu bapa yang terlalu menuntut dan mengawasi dengan ketat pergerakan anak-anak (Baumrind, 1991).

Dapatan kajian menunjukkan individu dengan gaya keibubapaan responsif yang tinggi dapat mengurangkan keberangskalian seseorang mengalami penderaan emosi. Menurut Gafor dan Kurukkan (2014), skor yang didapati tinggi dalam responsif dan kawalan merupakan gaya keibubapaan autoritatif, manakala skor yang rendah dalam responsif dan kawalan adalah gaya keibubapaan tidak terlibat. Selain itu, skor yang tinggi dalam responsif dan rendah dalam kawalan dikategorikan sebagai gaya keibubapaan permisif dan akhirnya skor yang rendah dalam responsif dan tinggi dalam kawalan ialah gaya keibubapaan autoritarian. Gaya keibubapaan autoritatif dan gaya keibubapaan permisif adalah sesuatu yang memberi perlindungan kepada remaja daripada masalah keburukan (Muñiz-Rivas et al., 2019; Brodski dan Hutz, 2012). Brodski dan Hutz (2012) menjalankan kajian di Brazil yang mendapati individu dengan gaya keibubapaan autoritarian dan tidak terlibat lebih cenderung mengalami penderaan emosi. Hasil ini kajian ini adalah sama dengan kajian Martínez et al. (2019) di Sepanyol yang mendapati gaya keibubapaan autoritarian menyebabkan individu cenderung mengalami kejadian buli. Dalam konteks di Malaysia, terdapat hubungan signifikan antara gaya keibubapaan yang berbentuk autoritarian, autoritatif dan permisif dengan personaliti Islamik (Noorani & Salasiah, 2013). Pelajar yang menerima didikan ibu bapa dalam konteks peraturan dalam keluarga tetapi bersikap terbuka terhadap pandangan anak-anak dan dalam masa yang sama bersikap tegas dengan mengenakan hukuman untuk mendidik dapat membentuk tingkah laku mereka yang positif. Begitu juga kajian oleh Faizah, Siti Soraya dan Abd Aziz (2014) yang melaporkan keibubapaan di Malaysia lebih menggunakan pendekatan autoritatif dan boleh mempengaruhi pembentukan sikap dan personaliti anak semasa remaja. Dapatan daripada Malaysia menunjukkan dapatan daripada kajian ini turut mendapati tiada hubungan signifikan antara gaya keibubapaan kawalan dengan penderaan emosi dalam kalangan pelajar kerana sebahagian daripada mereka menerima didikan dalam konteks autoritatif.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati penderaan emosi dalam kalangan pelajar Universiti di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Hasil analisis korelasi antara lima tret personaliti terhadap penderaan emosi menunjukkan personaliti ekstraversi dan keterbukaan tidak mempunyai hubungan signifikan, manakala, personaliti kepersetujuan dan kehematan menunjukkan hubungan negatif yang lemah tetapi signifikan. Personaliti neurotisisme juga menunjukkan hubungan positif yang lemah tetapi signifikan. Kemudian, bagi faktor psikososial bagi tahap kesunyian dengan penderaan emosi menunjukkan hubungan positif yang lemah, Manakala bagi gaya keibubapaan dengan penderaan emosi pula menunjukkan hubungan negatif yang lemah tetapi signifikan bagi gaya keibubapaan responsif. Bagi gaya keibubapaan kawalan pula menunjukkan tiada hubungan signifikan. Sehubungan dengan itu juga, antara faktor psikososial yang menjadi peramal terbaik terhadap penderaan emosi adalah personaliti kehematan dan gaya keibubapaan responsif.

Oleh itu, adalah jelas bahawa faktor psikososial seperti tret personaliti dan gaya keibubapaan boleh mempengaruhi tahap penderaan emosi yang dialami oleh individu. Ini menunjukkan tahap penderaan emosi boleh meningkat sekiranya individu tersebut tidak mempunyai tret personaliti yang baik seperti kehematan dan kepersetujuan. Apabila mempunyai nilai kepersetujuan yang rendah seperti mudah menuruti kehendak dan kemahuan pasangan dengan memberikan sepenuh kepercayaan tanpa mempunyai sikap berhati-hati dan berwaspada boleh menyebabkan penderaan emosi itu berlaku. Begitu juga dengan individu yang cenderung mempunyai tahap kesunyian yang tinggi seperti sering menyendiri, berasa keseorangan, kurang mengambil tindakan atau strategi untuk menyelesaikan sesuatu isu menyebabkan masalah penderaan emosi boleh terus berlaku tanpa sebarang penyelesaian sehingga situasi tersebut menjadi lebih buruk.

Dalam pada itu juga, kajian ini adalah penting untuk memberi kesedaran dan pemahaman kepada setiap rakyat Malaysia termasuklah ibu bapa, kanak-kanak, remaja serta pasangan tentang penderaan emosi. Sepertimana yang disebut di atas, penderaan emosi merupakan fenomena yang sering berlaku tetapi pelaku dan mangsa itu biasanya tidak akan menyedarinya. Hal ini demikian kerana ramai orang

tidak memahami dan menjelaskan tentang aspek-aspek penderaan emosi. Penderaan emosi juga tidak mempunyai kecederaan nyata yang menyebabkan ianya selalu diabaikan oleh individu itu. Kajian ini diharapkan dapat membantu lebih ramai masyarakat dalam mengklasifikasikan ciri-ciri dan bentuk penderaan emosi dengan lebih mudah dan jelas. Ekoran itu, setiap individu dapat mengenal pasti sama ada dirinya mengalami penderaan emosi supaya boleh mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya. Lantas, kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang tepat berkenaan dengan penderaan emosi dalam aspek karakteristik individu yang berisiko untuk mengalami isu tersebut kepada pihak WAO supaya langkah pencegahan dapat diambil daripada awal.

## RUJUKAN

- Acquah, E. O., Topalli, P. Z., Wilson, M. L., Junttila, N. & Niemi, P. M. (2016). Adolescent loneliness and social anxiety as predictors of bullying victimisation. *International Journal of Adolescence and Youth*, 21(3), 320–331.
- Amponsah-Tawiah, K. & Annor, F. (2017). Do Personality and Organizational Politics Predict Workplace Victimization? A Study among Ghanaian Employees. *Safety and health at work*, 8(1), 72–76.
- Arias, I. & Pape, K. T. (1999). Psychological abuse: implications for adjustment and commitment to leave violent partners. *Violence and victims*, 14(1), 55–67.
- Abowitz, D. A., Knox, D., & Zusman, M. (2010). Emotional Abuse Among Undergraduates in Romantic Relationships. *International Journal of Sociology of the Family*, 36 (2), 117-138.
- Abdul Adib, A., Agnis, S., & Lailawati, M. E. (2017). Penerimaan Gaya Keibubapaan Dalam Kalangan Remaja Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 78 – 89.
- Başoğlu, E. (2019). *The Role of Child Abuse and Gender on Loneliness Among University Students*. Doctoral dissertation, Middle East Technical University
- Baumrind D. (1989). Rearing competent children. In: *Damon W, ed. Child Development Today and Tomorrow*, 349–378.
- Baumrind, D. (1991). Effective parenting during the early adolescent transition. *Family transitions*, 2(1), 1.
- Black, M., Basile, K., Breiding, M., Smith, S., Walters, M., Merrick, M., Chen, J. & Stevens, M. (2011). National intimate partner and sexual violence survey: 2010 summary report.
- Brodski, S.K. & Hutz, C.S. (2012). The Repercussions of Emotional Abuse and Parenting Styles on Self-Esteem, Subjective Well-Being: A Retrospective Study with University Students in Brazil. *Journal of Aggression, Maltreatment & Trauma*, 21(3), 256–276.
- Brown, S., Fite, P. J., Stone, K. & Bortolato, M. (2016). Accounting for the associations between child maltreatment and internalizing problems: The role of alexithymia. *Child Abuse & Neglect*, 52, 20–28.
- Carlson, B. (1987). Dating violence: A research review and comparison with spouse abuse. *Social Casework: The Journal of Contemporary Social Work*, 68, 16–23.
- Chamberland, C., Fallon, B., Black, T. & Trocmé, N. (2011). Emotional maltreatment in Canada: Prevalence, reporting and child welfare responses (CIS2). *Child abuse & neglect*, 35(10), 841–854.
- Chen, C. & Qin, J. (2019). Emotional Abuse and Adolescents' Social Anxiety: The Roles of Self-Esteem and Loneliness. *Journal of Family Violence*, 1-11.
- Chen, X., Chen, S., Qiu, S., Deng, X., & Tan, X. (2017). Association between Emotional Abuses and Mental Disorder in Women: A Web-based Internet Survey in Southern China. *Occup Med Health Aff*, 5(2), 263.
- Darling, N., & Steinberg, L. (1993). Parenting style as context: An integrative model. *Psychological bulletin*, 113(3), 487-496.
- Dwan, T. & Ownsworth, T. (2019). The Big Five personality factors and psychological well-being following stroke: a systematic review. *Disability and rehabilitation*, 41(10), 1119–1130.
- Faizah, A. G., Siti Soraya, L. A. K., & Abd Aziz, A. (2014). The Implication of Parenting Styles on the Akhlak of Muslim Teenagers in the South of Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 114, 761-765.
- Gafor, A & Kurukkan, A. (2014). Construction and Validation of Scale of Parenting Style. *Online Submission*, 2(4), 315–323.
- Gierveld, J. de J. (1998). A review of loneliness: concept and definitions, determinants, and consequences. *Reviews in Clinical Gerontology*, 8(1), 73–80.
- Glasø, L., Matthiesen, S. B., Nielsen, M.B. & Einarsen, S. (2007). Do targets of workplace bullying portray a general victim personality profile? *Scandinavian journal of psychology*, 48(4), 313–319.
- Goldsmith, R. & Freyd, J. (2005). Awareness for Emotional Abuse. *Journal of Emotional Abuse*, 5(1), 95–123.
- Gómez-Ortiz, O., Romera, E. M. & Ortega-Ruiz, R. (2016). Parenting styles and bullying. The mediating role of parental psychological aggression and physical punishment. *Child Abuse & Neglect*, 51, 132–143.

- Harned, M. S. (2002). A multivariate analysis of risk markers for dating violence victimization. *Journal of Interpersonal Violence, 17*(11), 1179–1197.
- Hart, S. N., Brassard, M. R., & Karlson, H. C. (1996). Psychological maltreatment. In J. Briere, L. Berliner, J. A. Bulkley, C. Jenny, & T. Reid (Eds.), *The American Professional Society on the Abuse of Children handbook on child maltreatment*, 72-89.
- Holt, M. & Espelage, D. (2007). Perceived Social Support among Bullies, Victims, and Bully-Victims. *Journal of Youth and Adolescence, 36*, 984–994.
- Hovens, J.G.F.M., Giltay, E. J., van Hemert, A. M. & Penninx, B.W.J.H. (2016). Childhood Maltreatment and The Course of Depressive and Anxiety Disorders: The Contribution of Personality Characteristics. *Depression and anxiety, 33*(1), 27–34.
- Jacobson, N. S., & Gottman, J. M. (1998). *When men batter women: new insights into ending abusive relationships*. New York: Simon and Schuster.
- Jones, W. H. (1982). Loneliness and social behavior. *Loneliness: A sourcebook of current theory, research, and therapy*. New York: Wiley.
- Karakurt, G. & Silver, K. E. (2013). Emotional abuse in intimate relationships: the role of gender and age. *Violence and victims, 28*(5), 804–821.
- Kent, A. & Waller, G. (1998). The impact of childhood emotional abuse: An extension of the Child Abuse and Trauma Scale. *Child Abuse & Neglect, 22*(5), 393-399.
- Lukaszewski, A. (2016). *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Maccoby, E. E., & Martin, J. A. (1983). *Socialization in the context of the family: Parent- child interaction. Handbook of child psychology*. New York: Wiley.
- Martínez, I., Murgui, S., Garcia, O.F. & Garcia, F. (2019). Parenting in the digital era: Protective and risk parenting styles for traditional bullying and cyberbullying victimization. *Computers in Human Behavior, 90*, 84–92.
- Meinck, F., Cluver, L. D., Boyes, M. E. & Loening-Voysey, H. (2016). Physical, emotional and sexual adolescent abuse victimisation in South Africa: prevalence, incidence, perpetrators and locations. *Journal of epidemiology and community health, 70*(9), 910–916.
- Milam, A. C., Spitzmueller, C. & Penney, L. M. (2009). Investigating individual differences among targets of workplace incivility. *Journal of occupational health psychology, 14*(1), 58–69.
- Motevaliyan, S. M., Nor Yaacob, S., Juhari, R., Mansor, M. & Baratvand, M. (2014). Personality traits and severity of wife abuse among Iranian women. *Asian Social Science, 10*(7), 234–241.
- Muñiz-Rivas, M., Vera, M. & Povedano, A. (2019). Parental Style, Dating Violence and Gender. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 16*(15), 2722.
- Norris, C. J., Larsen, J. T. & Cacioppo, J.T. (2007). Neuroticism is associated with larger and more prolonged electrodermal responses to emotionally evocative pictures. *Psychophysiology, 44*(5), 823–826.
- Nooraini, O., & Salasiha, K. (2013). Explorasi Hubungan Antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought, 4*, 49-57.
- Noradilah, MD. N., & Mansur, A. T. (2009). Kesunyian dan Kesejahteraan Psikologi di Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia, 23*, 27-37.
- Office of Women’s Health. Emotional and verbal abuse.  
<https://www.womenshealth.gov/relationships-and-safety/other-types/emotional-and-verbal-abuse>.
- Pallesen, S., Nielsen, M. B., Magerøy, N., Andreassen, C. S. & Einarsen, S. (2017). An Experimental Study on the Attribution of Personality Traits to Bullies and Targets in a Workplace Setting. *Frontiers in Psychology, 8*, 1045.
- Perron, J. L., Cleverley, K. & Kidd, S. A. (2014). Resilience, loneliness, and psychological distress among homeless youth. *Archives of psychiatric nursing, 28*(4), 226–229.
- Rammstedt, B., & John, O. P. (2007). Measuring personality in one minute or less: A 10-item short version of the Big Five Inventory in English and German. *Journal of research in Personality, 41*(1), 203-212.
- Robbins, S. P., & Judge, T. A. (2008). *Organizational Behavior* (15<sup>th</sup> ed.). United of America: Prentice Hall.
- Russell, D., Peplau, L. A. & Cutrona, C. E. (1980). The revised UCLA Loneliness Scale: Concurrent and discriminant validity evidence. *Journal of Personality and Social Psychology, 39*(9), 472-480.
- Soto, C. (2018). *Big Five Personality Traits. The SAGE encyclopedia of lifespan human development*. United Kingdom: Sage Publications.
- Stark, S. (2015). *Psychology and Behavioral Health* (4<sup>th</sup> ed.). Canada: Grey House Publishing.
- Ulloa, E. C., Hammett, J.F., O’Neal, D. N., Lydston, E. E. & Leon Aramburo, L.F. (2016). The Big Five Personality Traits and Intimate Partner Violence: Findings from a Large, Nationally Representative Sample. *Violence and victims, 31*(6), 1100–1115.
- Vidourek, R. A. (2017). Emotional Abuse: Correlates to Abuse Among College Students. *Journal of Aggression, Maltreatment & Trauma, 26*(7), 792–803.

*Effects of Psychosocial Factors towards Emotional Abuse among University Students Who Have Been in Romantic Relationships*

- Vizzotto A. D. B., de Oliveira A. M., Elkis H., Cordeiro Q., Buchain P. C. (2013). *Psychosocial Characteristics*. New York: Springer Publications.
- WAO. Mental abuse form most common suffer by women. Women's Aid Organisation. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/03/08/wao-mental-abuse-most-common-form-suffered-by-women/>
- World Health Organization. (2012). Intimate partner violence. World Health Organisation. [https://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/77432/WHO\\_RHR\\_12.36\\_eng.pdf;jsessionid=8DCE5460E9A68321445021B62C4C4317?sequence=1](https://apps.who.int/iris/bitstream/handle/10665/77432/WHO_RHR_12.36_eng.pdf;jsessionid=8DCE5460E9A68321445021B62C4C4317?sequence=1)
- Zaiton, Balan, R., Getrude, C. A. G., & Nazmi, L. (2015). Relationship Anxiety, Emotional Intelligence and Self Appreciation Towards the loneliness of Rural Students in Higher Education Institutions. *Journal of social sciences and humanities*, 10(2), 057-069.
- Zulkufli, I. (2019). Kesunyian dan ekstraversi: kajian kes instrumental tentang personaliti mangsa jenayah cinta siber di Ibu Pejabat Polis Petaling Jaya, Selangor. *International Journal of Social Policy and Society*, 15, 130-143.